

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 FEBRUARY 2017

Buang protokol, laksana subsidi bersasar

BH - 4/2/2017

➔ PM mahu amalan sambut pemimpin dengan hampan permaidani merah diketepi

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Khairul Azran Hussin
khaiazr@bh.com.my

✦ Ijok

Kerajaan akan melakukan dua pendekatan baharu iaitu menyetepikan protokol dalam program bersama rakyat dan melaksanakan subsidi bersasar, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, amalan selama ini untuk menyambut pemimpin dengan hampan permaidani merah dan bunga manggar perlu dibuang, malah kehadiran pemimpin sepatutnya disambut oleh rakyat biasa, bukan pemimpin parti.

“Seperti hari ini (semalam), saya disambut oleh rakyat Kuala Selangor dan kehadiran saya disambut dengan ikhlas. Saya tidak kisah

kalau terpaksa bersarapan dua kali dengan rakyat, kerana saya dapat duduk serta dengar sendiri apa masalah rakyat.

Elak ketirisan

“Kalau ada keperluan yang boleh kita bantu, kita segera bantu. Jadi, adalah penting laksana subsidi bersasar bagi elak ketirisan dan ketidakadilan. Contohnya, subsidi petrol secara pukal menguntungkan mereka yang ada kereta besar, mereka yang jadi pelancong serta pekerja asing.

“Jika subsidi 10 sen bagi petrol, kosnya adalah RM150 juta sebulan dan jika 20 sen, kosnya RM300 juta sebulan. Penjimatan ini kita boleh salurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan,” katanya ketika berucap dalam ‘Program Jom Bantu Rakyat Kuala Selangor’ di Sekolah Kebangsaan (SK) Ijok di sini, semalam.

Yang hadir sama, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Irmohizam Ibrahim.

Pada majlis sama, Najib melancarkan Monumen Transformasi Nasional 2050 (TN50) pertama negara di SK Ijok.

Selar sikap pembangkang

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata program ‘Jom Bantu Rakyat’ dilancarkan bulan lalu adalah contoh subsidi bersasar apabila bantuan untuk setiap Parlimen dibuat mengikut kesesuaian serta keperluan masyarakat setempat.

Sementara itu, Najib menyelar sikap pembangkang yang membusu apabila harga sawit meningkat kepada RM3,300 satu tan ketika ini, sekali gus meningkatkan pen-

dapatan pengusaha dan pekebun kecil komoditi itu.

“Kenaikan harga komoditi adalah hasil kejayaan lawatan ke China pada Oktober tahun lalu, apabila negara itu setuju meningkatkan pembelian sawit dari Malaysia.

“Sebaliknya berlaku apabila harga petrol naik, pembangkang bisng dengan menghasut rakyat serta cakap macam-macam kepada kerajaan, sedangkan peningkatan harga petrol ditentukan oleh pasaran dunia,” katanya.

Pada majlis sama, Najib turut mengumumkan peruntukan RM1.5 juta bagi membangunkan Pangkalan Nelayan Sungai Sembilang, Kuala Selangor, sebagai hab nelayan.

Beliau berkata, pembangunan hab itu akan meningkatkan pendapatan nelayan dua kali ganda, selain meningkatkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ke daerah Kuala Selangor.